

# Banjir kerana Kedah gagal kawal pembalakan

**SIK** – Tun Dr. Mahathir Mohamad membidas kerajaan Kedah yang diteraju Pas kerana gagal mengawal aktiviti pembalakan di negeri itu sehingga kerap berlaku banjir luar biasa yang merosakkan rumah dan kemudahan rakyat.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, keadaan tersebut antara bukti pembangkang tidak mampu mentadbir negeri dengan baik dan penduduk Kedah perlu mengembalikannya kuasa memerintah negeri kepada Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.

“Banjir bukan sahaja merosakkan rumah rakyat, tetapi sisa kayu balak yang dihanyutkan banjir juga memusnahkan kemudahan untuk rakyat seperti jambatan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Dr. Mahathir ditemui pemberita ketika melawat kawasan yang terjejas akibat aktiviti pembalakan di

Kampung Pelangi, Gulau dekat sini.

Banjir yang melanda kawasan itu turut merobohkan sebuah jambatan konkrit yang baharu siap dibina untuk kemudahan penduduk.

Turut serta dalam lawatan itu ialah isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Ahmad Bashah Hanipah dan Ahli Dewan Undangan Negeri Belantik, Datuk Mohd. Tajuddin Abdullah.

Sementara itu, pada majlis Bersama Rakyat Daerah Sik, beliau berkata, ahli UMNO perlu mengikis sikap tidak puas hati terhadap calon pilihan parti jika mahu melihat parti itu dan Barisan Nasional terus berkuasa dan membentuk sebuah kerajaan yang kuat selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 kelak.



**DR. MAHATHIR** (kiri) beramah mesra dengan seorang rakan lama beliau, Ahmad Mat, 87, dari Kampung Bukit Berangan, Belantik yang ingin bertemu beliau selepas lebih 30 tahun tidak berjumpa di Sik semalam.